



SEGERA MELALUI E-MEL

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (61)

NOTA KEPADA PENGARANG

Ketua Pengarang/Editor/Wartawan

UNDANGAN MEDIA : OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN PREMIS IKAN HIASAN SEKITAR JALAN PUDU, WP KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)** akan melaksanakan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Premis Ikan Hiasan di sekitar Jalan Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Operasi ini bertujuan bagi memastikan pematuhan di bawah **Akta Perikanan 1985** serta peraturan-peraturan di bawahnya, dengan kerjasama daripada **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**.

3. Sehubungan itu, pihak media adalah diundang hadir bagi membuat liputan operasi tersebut seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **5 Mac 2026 (Khamis)**

Masa : **9.30 pagi**

Tempat berkumpul (RV) : **Balai Polis Pudu, Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur**

4. Kerjasama pihak media adalah dimohon untuk **membuat pengesahan kehadiran (RSVP) selewat-lewatnya pada 4 Mac 2026 (Rabu) sebelum pukul 1.00 petang** menerusi pautan: <https://forms.gle/n7L8Ev2cirpJsSW2A>

5. Bersama-sama ini dilampirkan tentatif operasi untuk rujukan pihak tuan/puan. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi **Cik Fatin** di talian **012-7868069** atau **Encik Akhtar** di talian **019-5009520**.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
3 MAC 2026



TENTATIF
OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN PREMIS IKAN HIASAN SEKITAR
JALAN PUDU, WP KUALA LUMPUR

Tarikh : 5 Mac 2026 (Khamis)

Masa : 9.30 pagi

Tempat berkumpul (RV) : Balai Polis Pudu, Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur

MASA	BUTIRAN
9.30 pagi	Kehadiran Pegawai Operasi & Wakil Media di Tempat Berkumpul (RV)
10.00 pagi	Sesi Taklimat Operasi kepada Anggota DOF, PDRM & Taklimat Media
11.00 pagi	Pergerakan Anggota Operasi dan Media ke Lokasi Serbuan
	Operasi Bermula
12.00 tgh hari	Pengurusan Kes Tangkapan dan Sitaan
	Sidang Media oleh Puan Suhanah Kassiron, Pengarah Perikanan Pejabat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya di Balai Polis Pudu
	Bersurai
MAKLUMAT TAMBAHAN	
	Etika Berpakaian: Pakaian kasual yang bersesuaian serta kasut bertutup (Pihak media diingatkan bahawa persekitaran pasar mungkin basah dan licin).
	Logistik Kenderaan: Pihak media digalakkan meletakkan kenderaan di sekitar Balai Polis Pudu, Jalan Pudu kerana ruang parkir di lokasi operasi adalah terhad. Pergerakan ke lokasi operasi dari RV akan diselaraskan semasa taklimat.
	Keselamatan: Wakil media WAJIB mempamerkan Kad Perakuan Media yang sah dan mematuhi arahan Pegawai Keselamatan/Pasukan Kawalan sepanjang operasi berlangsung.